

6.5.9 Bagi tender yang dikendalikan oleh perunding, peraturan seperti di perenggan 6.5.1 hingga 6.5.8 hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Selain daripada itu, tempat penjualan dan penyerahan dokumen tender hendaklah di Agensi yang mengendalikan perolehan tersebut.

6.6 Kadar Bayaran Dokumen Tender (*Hard Copy/Soft Copy*)¹⁰

6.6.1 Dokumen tender hendaklah dijual dalam bentuk *hard copy*. Sekiranya perlu, agensi boleh menyediakan dokumen tender dalam bentuk *soft copy*, dan bayaran tambahan sebanyak RM10 bagi sekeping cakera liut (disket)/cakera padat hendaklah dikenakan kepada petender yang memerlukan. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *soft copy* dan *hard copy*, dokumen dalam *hard copy* hendaklah diguna pakai.

6.6.2 Walau bagaimanapun, tender hendaklah dikemukakan dalam bentuk *hard copy* sahaja.

6.6.3 Pengiraan harga satu (1) set dokumen tender untuk tender kerja hendaklah dibuat berdasarkan kadar berikut:

(a) Harga semuka dokumen yang menggunakan kertas saiz A4 adalah RM0.35 dan saiz A3 adalah RM0.70;

(b) Harga bagi sesalinan lukisan/pelan ialah :

<u>Saiz kertas</u>	<u>Harga (RM)</u>
A3	0.70
A2	3.50
A1	6.50
A	8.00

(c) Walau apa pun kadar yang ditetapkan di perenggan (a) dan (b), bayaran minimum bagi tiap-tiap satu (1) set dokumen tender ialah RM50.

¹⁰ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 bertarikh 27 Februari 2007